



## ezCergas

### Melindungi anda sewaktu anda berada di hospital

- ✓ Penerimaan dijamin
- ✓ Tiada pemeriksaan perubatan diperlukan
- ✓ Manfaat dibayar terus kepada anda atau keluarga, tiada cukai dikenakan
- ✓ Manfaat-manfaat dibayar sebagai tambahan kepada lain-lain insurans yang mungkin telah anda miliki
- ✓ Caruman bulanan tidak meningkat mengikut umur
- ✓ Anda boleh mendaftar sekiranya anda berumur 18 - 60 tahun

### Apa yang terkandung di dalam pelan kemalangan diri ini?

	Manfaat	Basic	Supreme	Premier	Premier Plus
<b>Asas</b>	Manfaat Tunai Pendapatan Harian Akibat Kemalangan (sehari)	100	200	300	500
	Hospital Manfaat Pendapatan Harian Hospital Berganda akibat Kemalangan Untuk ICU (sehari)	200	400	600	1,000
	Manfaat Elaun Keluarga Harian (sehari)	50	100	150	250
	Manfaat Elaun Rawatan Pos Kemasukan Hospital	500	1,000	1,500	2,500
<b>Tambahan</b> (opsyenial)	Manfaat Pendapatan Harian Hospital akibat Denggi Dan Malaria (sehari)	100	200	300	500
	Manfaat Pendapatan Harian Hospital akibat Kemalangan Motosikal (sehari)	100	200	300	500
	Manfaat Pembedahan Utama akibat Kemalangan	1,000	2,000	3,000	5,000
	Manfaat Rawatan Kecemasan Pesakit Luar	50	100	150	250

Semua jumlah adalah dalam Ringgit Malaysia (RM)

### Apakah jenis konsep Shariah yang digunakan?



#### Takaful

Ini adalah suatu persefikatan yang berdasarkan konsep saling bantu membantu di mana para peserta takaful saling bersetuju untuk memberi caruman kepada satu dana yang sama. Tujuan dana ini adalah untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa atau pun musibah yang telah dipersetujui.



#### Tabarru'

Ia adalah caruman daripada peserta kepada Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA) di mana Peserta bersetuju untuk melepaskan semua atau sebahagian daripada caruman tersebut untuk membayar manfaat-manfaat takaful.



#### Ju'alah

Ia bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA) di mana pengendali takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada perkongsian Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA) pada akhir setiap tahun kewangan.



#### Wakalah

Ini adalah satu kontrak perwakilan atau perjanjian agensi di mana peserta melantik pengendali takaful untuk menguruskan caruman Takaful dengan mengenakan Yuran Wakalah untuk khidmat mereka.



#### Hibah

Sekiranya terdapat pengisytiharan lebihan daripada Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA) pada akhir setiap tahun kewangan, 50% daripada lebihan tersebut akan dikongsi dengan peserta berdasarkan kontrak Hibah (hadiyah).



#### Qard

Ini adalah pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh pengendali takaful jika berlakunya defisit Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA).

## Apakah yang sebenarnya dilindungi oleh pembayaran Manfaat-Manfaat Utama?

### Manfaat Pendapatan Hospital

Sehingga RM500 sehari sehingga 60 hari sekiranya mana-mana yang berikut berlaku selepas kemalangan:

- Anda dirawat di hospital melebihi 24 jam disebabkan oleh kecederaan

### Manfaat Pendapatan Harian Hospital Berganda

Sehingga RM1,000 sehari sehingga 30 hari sekiranya mana-mana yang berikut berlaku selepas kemalangan:

- Anda dirawat di Unit Rawatan Rapi atau Unit Rawatan Kritikal (ICU) hospital melebihi 24 jam disebabkan oleh kecederaan

### Manfaat Elaun Harian Keluarga

Sehingga RM250 sehari sehingga 30 hari untuk membantu keluarga anda membayar bil mereka sewaktu sekiranya anda dimasukkan ke hospital:


- Anda dirawat di hospital melebihi 24 jam disebabkan oleh kecederaan

### Manfaat Elaun Rawatan Pos Kemasukan Hospital

Sehingga RM2,500 untuk membantu membayar kos tambahan sekiranya anda memerlukan rawatan susulan selepas keluar hospital sekiranya:

- Anda dimasukkan ke hospital untuk sekurang-kurangnya selama 7 hari berturut-turut
- Anda menjalani rawatan perubatan susulan yang diperlukan sebagaimana ditetapkan oleh Pakar Perubatan dalam tempoh 30 hari selepas tarikh keluar dari hospital
- Anda menerima Manfaat Pendapatan Harian Hospital Akibat Kemalangan atau Manfaat Pendapatan Harian Hospital Berganda akibat Kemalangan

## Sekiranya saya meningkatkan pelan saya dengan bayaran tunai tambahan, apakah yang dilindungi?



### Denggi dan Malaria

Sehingga RM500 sehari untuk Denggi dan Malaria

Anda dan keluarga anda akan menerima Manfaat Pendapatan Harian Hospital ini sehingga 30 hari sekiranya:

- Anda dirawat di hospital melebihi 24 jam akibat Denggi atau Malaria



### Kemalangan Motosikal

Sehingga RM1,000 untuk Kemalangan Motosikal

Anda dan keluarga anda akan menerima Manfaat Pendapatan Harian Hospital ini sehingga 60 hari sekiranya:

- Anda dirawat di hospital akibat kecederaan sewaktu menunggang atau membunceng motosikal
- Anda melaporkan kemalangan motosikal kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam dan tuntutan anda disokong dengan laporan polis



### Pembedahan Utama

Sehingga RM5,000 untuk Pembedahan Utama

Anda dan keluarga anda akan menerima manfaat tunai sekaligus ini sekiranya:

- Anda menjalani pembedahan utama disebabkan oleh kemalangan dan dimasukkan ke hospital untuk tempoh minimum 48 jam
- Pembedahan Utama anda merupakan salah satu dari pembedahan berikut: Pemindahan Organ Utama, Pembedahan Penggantian Sendi Pinggul atau Lutut, Pemotongan tisu otak dengan kraniotomi, Pembedahan jantung terbuka, Pembedahan histerektomi



### Tunai Pesakit Luar

Sehingga RM250 tunai untuk Kecemasan Pesakit Luar

Anda dan keluarga anda akan menerima manfaat tunai sekaligus ini sekiranya:

- Anda menjalani rawatan kecemasan pesakit luar (ditetapkan oleh pakar perubatan) dalam tempoh 48 jam selepas kemalangan

## Apa perkara-perkara lain yang harus diketahui mengenai ezCergas?

- Anda dan pasangan anda layak mendaftar sekiranya kedua-dua anda berumur 18-60.
- Jumlah pembayaran untuk anak adalah sebanyak 50% daripada jumlah pembayaran dewasa.
- Anak haruslah berumur 6 bulan hingga 23 tahun dan berada di bawah tanggungan pemegang Sijil. Tiada had ke atas jumlah anak yang boleh dilindungi.
- Sekiranya anda mendaftar untuk ezCergas, anda boleh membuat pembatalan dengan mengembalikan Sijil kepada ezTakaful dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan dan sebarang caruman yang telah anda bayar akan dikembalikan. Sekiranya anda memilih untuk membatalkan selepas 14 hari penerimaan Sijil Takaful, sebarang caruman yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.
- Pembaharuan ezCergas adalah dijamin, selagi caruman dibayar, sehingga umur 65 tahun di mana pelan ini akan tamat.
- Zurich General Takaful Malaysia Berhad merupakan pengendali Takaful ezCergas.

## Apa yang tidak dilindungi dibawah ezCergas?

ezCergas mempunyai pengecualian-pengecualian yang termasuk aktiviti terlarang, keadaan fizikal, tingkahlaku cuai, keadaan perubatan sedia ada, beberapa pekerjaan dan keadaan.

**Sila lihat Sijil Induk ezCergas untuk senarai penuh pengecualian, definisi dan syarat-syarat atau hubungi 1300 82 0010 sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan.**

